

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HMT 222- Sintaksis Bahasa Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** soalan dalam **LIMA BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan kesemuanya.

Bahagian A : Jawab **SEMUA** soalan.

Bahagian B : Jawab **DUA** soalan sahaja.

PENTING: Ceraikan Bahagian A dan ikatkannya bersama dengan skrip jawapan anda.

...2/-

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

Bahagian A

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Teliti **DATA A** di bawah, dan nyatakan **fungsi tatabahasa** dan **kategori sintaksis** bagi unsur yang ditandai dengan kurungan siku dalam ayat-ayat [i – xviii].

(Nota: Terdapat dua puluh lima (25) unsur yang ditandai dengan kurungan siku.)

[100 markah]

DATA A

- [i] Polis sedang [memburu penjenayah di kawasan perumahan itu].
- [ii] [Di dalam gudang itu] tersimpan [VCD haram].
- [iii] Kami berada di Muar [untuk majlis laksa Johor].
- [iv] Fungsi utama tulang adalah [sebagai pelindung organ utama].
- [v] Lina berpayungkan [fail yang dibelinya kelmarin].
- [vi] Fiza melihat jam [di pergelangan tangannya].
- [vii] Hospital Bahagia yang terletak di Jalan Satu itu [cukup sibuk] hari ini.
- [viii] Dia merenung wajah Halimah untuk [menanti jawapan daripada jururawat itu].
- [ix] Pemuda itu menafikan [bahawa tiketnya palsu].
- [x] [Bahawa kawasan itu berbahaya] diumumkan kerajaan.
- [xi] *Edisi Siasat* melaporkan bahawa [sisa-sisa toksik] mengancam keselamatan penduduk [yang mendiami kawasan itu].
- [xii] [Berkejar-kejaran di pantai] [pasangan muda itu].
- [xiii] Samad berpendapat [bahawa yuran PIBG sekolah itu sangat tinggi].

...3/-

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

- [xiv] Mereka tahu bahawa bangunan PWTC sedang menuju [kehancuran].
- [xv] Tuan rumah itu menghidangi [tetamu] [nasi bukhari].
- [xvi] Dia membawakan [buah hatinya] [kuih cara].
- [xvii] [Pintu dapur rumah mereka] dipecahkan perompak [malam tadi].
- [xviii] [Yang menyertai pertandingan itu] [hebat-hebat].

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

2. Jawab [a] **DAN** [b].

[a] Lakarkan **satu kurungan siku berlabel yang lengkap** dan **satu rajah pohon struktur permukaan** bagi setiap ayat dalam **DATA B** di bawah.

Sempurnakan bahagian 2[a] ini pada muka surat (5 – 10) yang telah disediakan.

DATA B

- [i] Untuk Samad menyelamatkan diri memang mustahil.
- [ii] Berita itu menyebut bahawa Karam Singh telah bertugas semula.
- [iii] Kumpulan muzik itu mahu penonton menyanyi kuat-kuat.
- [iv] Fail yang mengandungi senarai nama pesakit telah tercicir.
- [v] Mereka berkumpul untuk mendengar ceramah di Dewan Dahlia.
- [vi] Mereka tahu bahawa tamadun tertua itu sedang menuju kehancuran.

[b] Ayat di bawah mengandungi makna yang taksa. Berikan **DUA** set makna yang anda perolehi, dan bagi setiap set tersebut anda mestilah menyertakan maklumat seperti parafrasa, kurungan siku berlabel yang lengkap dan rajah pohon. Sempurnakan bahagian 2[b] ini pada muka surat (11 dan 12) yang telah disediakan.

Mahasiswa kolej itu membaca buku di perpustakaan.

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

2[a]

[i] Untuk Samad menyelamatkan diri memang mustahil.

Kurungan siku berlabel:

Rajah pohon:

[10 markah]
...6/-

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

- [ii] Berita itu menyebut bahawa Karam Singh telah bertugas semula.

Kurungan siku berlabel:

Rajah pohon :

[10 markah]
...7/-

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

[iii] Kumpulan muzik itu mahu penonton menyanyi kuat-kuat.

Kurungan siku berlabel:

Rajah pohon :

[10 markah]
...8/-

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

[iv] Fail yang mengandungi senarai nama pesakit telah tercicir.

Kurungan siku berlabel:

Rajah pohon :

[10 markah]
...9/-

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

[v] Mereka berkumpul untuk mendengar ceramah di Dewan Dahlia.

Kurungan siku berlabel:

Rajah pohon :

[10 markah]
...10/-

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

[vi] Mereka tahu bahawa tamadun tertua itu sedang menuju kehancuran.

Kurungan siku berlabel:

Rajah pohon :

[10 markah]
...11/-

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

2[b]

Set I

Mahasiswa kolej itu membaca buku di perpustakaan.

Parafrasa:

Kurungan siku berlabel:

Rajah pohon:

[20 markah]
...12/-

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

2[b]

Set II

Mahasiswa kolej itu membaca buku di perpustakaan.

Parafrasa:

Kurungan siku berlabel:

Rajah pohon:

[20 markah]
...13/-

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

Bahagian B

Jawab **DUA** sahaja.

3. Dalam **Tatabahasa Dewan** (2003) ayat-ayat dalam **DATA C** dianggap sebagai ayat pasif yang terdapat dalam bahasa Melayu. Dengan menggunakan data tersebut sebagai sumber, jawab [a] dan [b].

[a] Huraikan jenis dan ciri-ciri ayat pasif berkenaan. [90 markah]

[b] Lakarkan satu rajah pohon struktur permukaan bagi **ayat [v]**. [10 markah]

DATA C

- [i] Budak–budak itu kehujanan sepanjang acara walkaton pagi semalam.
- [ii] Emak telah kecurian gelang emasnya pada hari bersejarah itu.
- [iii] Kain-kain itu sudah berlipat.
- [iv] Cek-cek itu belum bertanda tangan.
- [v] Barang itu sudah dimusnahkan oleh Nizam semalam.
- [vi] Barang itu sudah dimusnahkan Nizam semalam.
- [vii] *Barang itu sudah dimusnahkan semalam Nizam.
- [viii] Barang itu sudah dimusnahkan.
- [ix] Perkara tersebut akan saya huraikan selepas ini.
- [x] *Perkara tersebut akan saya menghuraikan selepas ini.
- [xi] Permohonan ini awak teliti dengan segera.
- [xii] *Permohonan ini diteliti oleh awak dengan segera.
- [xiii] Kami kena tipu oleh ulat-ulat itu.
- [xiv] *Penjenayah itu kena menyerbu oleh polis.

...14/-

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

4. Berdasarkan **DATA D** di bawah, jawab [a] dan [b].

- [a] Kenal pasti dan huraikan jenis dan ciri-ciri ayat dalam data tersebut.
Dalam huraian anda, kaitkan juga ayat-ayat i-viii[a] dengan ayat-ayat i-viii[b] yang dianggap tidak gramatis.

[90 markah]

- [b] Lakarkan satu rajah pohon bagi menunjukkan **struktur dalaman** ayat ii[a].

[10 markah]

DATA D

- [i] [a] Tanggalkan kasut anda.
[b] *Menanggalkan kasut anda.
- [ii] [a] Serahkan tugas itu minggu depan.
[b] *Menyerahkan tugas itu minggu depan.
- [iii] [a] Sila ikut sini.
[b] *Sila mengikut sini.
- [iv] [a] Mandilah sebelum dimandikan.
[b] *Memandilah sebelum dimandikan.
- [v] [a] Rasalah kuih ini.
[b] *Merasalah kuih ini.
- [vi] [a] Telefonlah bila rasa rindu.
[b] *Menelefonlah bila rasa rindu.
- [vii] [a] Panggil balik segera.
[b] *Memanggil balik segera.
- [viii] [a] Temuilah dia sekarang.
[b] *Menemuih dia sekarang.

...15/-

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

5. Dalam pembinaan sesuatu ayat penanda tatabahasa seperti kala, kasus, dan unsur keserasian memainkan peranan yang sangat penting. Sehubungan dengan itu, **buktikan bahawa bahasa Melayu sebenarnya mempunyai unsur keserasian dan kasus**. Gunakan fakta empirikal dalam Set I dan Set II dalam **DATA E** yang berikut ini untuk menyokong hujahan anda.
(Anda mestilah dapat menentukan set yang sesuai untuk digunakan dalam hujahan anda).

[100 markah]

DATA E

Set I

- [i] [a] Mereka sekelas semasa di sekolah rendah dahulu.
- [b] *Dia sekelas semasa di sekolah rendah dahulu.
- [c] Saya dan dia sekelas semasa di sekolah rendah dahulu.
- [ii] [a] Pokok di kebun itu tinggi-tinggi.
- [b] *Pokok itu tinggi-tinggi.
- [c] Pokok itu tinggi.
- [d] Pokok-pokok itu tinggi.
- [iii] [a] Mereka melihat belon bergantung di majlis itu.
- [b] *Mereka melihat belon itu bergantung di majlis itu.
- [c] Mereka melihat belon-belon itu bergantung di majlis itu.

Set II

- [i] Dia / Mereka / Saya /*Nya memandang gadis itu.
- [ii] Mereka / Saya memandang dia / -nya.
- [iii] Gadis itu dipandang oleh dia / mereka /-nya.
- [iv] Dia / *Nya dipandang oleh mereka.
- [v] Surat itu dihantar kepada dia/mereka/saya/-nya.
- [vi] Kepada dia/mereka/saya/-nya surat itu dihantar.

- ooo 0 ooo -

